

**Untuk Siaran Serta-merta**

## **Honda Dash 125 Baharu Serlahkan Sensasi Tunggangan Dengan Enjin 125cc Yang Serba Baharu**

- *Dilengkapi dengan enjin 125cc engine, Dash 125 baharu menawarkan prestasi lebih baik buat penunggang*
- *Dash 125 menjanjikan prestasi dinamik dalam pakej yang bergaya menerusi rekaan terkini yang kemas dan terkini*
- *Boon Siew Honda telah melantik Zaqhwan Zaidi sebagai duta Dash 125 baharu*

**Petaling Jaya, 16 Julai 2018** – Boon Siew Honda Sdn Bhd (Boon Siew Honda) hari ini memperkenalkan model terkininya dengan melancarkan Dash 125 baharu secara rasmi. Model 125cc baharu ini merupakan pilihan kepada penunggang yang mahukan sebuah motosikal yang mempunyai pakej lengkap – prestasi lebih baik dan reka bentuk bergaya!

Berucap pada majlis perasmian, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Boon Siew Honda, Keiichi Yasuda berkata, “Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, pasaran cub bersesaran cc besar didapati berkembang pesat, kompetitif dan mencabar berikutan permintaan pelanggan yang kian meningkat. Sebagai sebuah syarikat yang komited untuk menawarkan nilai baru untuk keseronokan pelanggan, Boon Siew Honda telah menambah baik tawaran model demi memenuhi keperluan para penunggang di Malaysia. Kami faham akan kehendak dan trend terkini di Malaysia. Oleh itu, kami sangat teruja untuk memperkenalkan Dash 125 baharu yang dijangka menetapkan penanda aras lebih tinggi dalam segmen cub.”

Dash 125 baharu menerima beberapa naik taraf berbanding model terdahulu iaitu Wave Dash yang mula diperkenalkan pada 7 tahun lalu. Ia kini menggunakan enjin 125cc yang memberikan

## Press Information

penunggang tunggangan lebih baik dan berprestasi, sekali gus menjadikan Dash 125 baharu sebuah motosikal terbaik untuk mereka yang mencari sebuah cub yang memiliki prestasi lebih baik, pada harga berpatutan.

Dash 125 baharu didatangkan dengan rekaan luaran baru yang lebih bergaya serta siluet yang dinamik. Model baharu ini kini dilengkapi lampu utama LED bagi memberikan iluminasi lebih baik dan keselamatan kepada penunggang yang menunggang pada waktu siang dan malam dalam persekitaran hidup yang pantas bergerak. Bagi menjadikan estetikanya lebih agresif, Dash 125 baharu dilengkapi dengan pelindung kaki yang bergaya, jalur rim bergaya, rekaan cermin sisi yang menarik dan rekaan meter serba baharu.

Dash 125 baharu didatangkan dalam empat pilihan warna iaitu Hitam Mutiara (*Pearl Magellanic Black*), Merah (*Vivacity Red*), Biru Mutiara (*Pearl Nightfall Blue*) dan Edisi Repsol.



Varian dan harga adalah seperti berikut:

Varian	Harga
Dash 125 (Brek cakera tunggal)	RM5,999
Dash 125 (Brek cakera berkembar)	RM6,299
Dash 125 Repsol Edition (Brek cakera berkembar)	RM6,499

(Harga yang dinyatakan adalah harga disyorkan di bilik pameran dengan 0% GST, tidak termasuk cukai jalan, insurans dan yuran pendaftaran.)

## Press Information

Dash 125 baharu hadir bersama jaminan kilang selama dua tahun atau 20,000km (mana-mana tiba dahulu) bagi memastikan pelanggan dapat menikmati penyenggaraan berkualiti tinggi dan juga ketenangan minda.

Rakyat Malaysia akan menyaksikan prestasi mengujakan Dash 125 baharu kerana ia akan menjadi jentera lumba terkini dalam acara *Honda One-Make Race* untuk saingan Cub Prix Malaysia. Sebelum ini dikenali sebagai “Honda Wave Alpha Challenge” untuk model Honda Wave Alpha, nama perlumbaan kini dikenali sebagai “Honda Dash 125 Challenge”, selari dengan penukaran kepada model ini. *One-Make Race* terbukti menjadi satu platform ideal untuk penunggang muda berbakat mengambil langkah pertama sebelum masuk ke dalam dunia sukan bermotor. Ini termasuk, mendapat bimbingan dan sokongan yang mereka perlukan sebelum menjadi juara di peringkat antarabangsa.

Keterujaan semakin meningkat apabila Boon Siew Honda mengumumkan pelantikan juara dua kali *Asia Road Racing Championship* (ARRC), Zaqhwani Zaidi sebagai duta Dash 125 baharu. Penunggang terkenal Honda itu merupakan pelumba Malaysia pertama yang berjaya berlumba dalam *All Japan Road Race Championship* (AJRRRC). Kesungguhan dan perjalanan kerjaya beliau selaku pelumba motosikal nyata memberi inspirasi kepada anak muda untuk mencapai impian masing-masing. Ini menjadikan beliau duta yang ideal buat Dash 125 baharu.

Maklumat lanjut, sila layari laman web [www.boonsiewhonda.com.my](http://www.boonsiewhonda.com.my) atau hubungi Boon Siew Honda di talian Tol Percuma 1800-88-3993 (Isnin hingga Jumaat, 9 pagi – 5 petang, kecuali cuti umum).

### **Mengenai Boon Siew Honda Sdn. Bhd.**

Boon Siew Honda Sdn Bhd, anak syarikat Honda Motor Co., Ltd adalah usaha sama di antara Honda Motor Co., Ltd. dan Oriental Holdings Bhd. Ia mula beroperasi pada bulan September 2008 dengan dua matlamat utama: Untuk menyatukan pengeluaran motosikal dan jualan di Malaysia dan untuk mencapai kecekapan perkhidmatan dan kepuasan pelanggan yang lebih tinggi. Sebelum kemunculan syarikat baru ini, Boon Siew Sdn. Bhd. menjalankan usaha pembuatan dan perniagaan borong produk motosikal Honda di Malaysia. Walaupun menyimpan keinginan untuk berkerjasama

**P**ress **I**nformation

dengan syarikat-syarikat Honda lain di seluruh dunia, Boon Siew Honda Sdn. Bhd. akan mengukuhkan daya saing dan berusaha untuk menyediakan produk dan perkhidmatan yang melebihi jangkauan pelanggan.

Untuk Pertanyaan Media:

**Jireh Consult**

Verman Ho

017-9087820

[smho@jirehconsult.com](mailto:smho@jirehconsult.com)

**Boon Siew Honda**

Nor Azam

012-4996106

[nor\\_azam@bswhonda.com.my](mailto:nor_azam@bswhonda.com.my)

**Boon Siew Honda**

Zharif Zaini

012-4990162

[mohammad\\_zharif@bswhonda.com.my](mailto:mohammad_zharif@bswhonda.com.my)